

MAVCAP terima 104 cadangan luar negara

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt.
— Malaysia Venture Management Bhd. (MAVCAP) yang memiliki modal teroka RM500 juta, sehingga ini menerima 104 cadangan perniagaan dari 10 buah negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Negara itu termasuk Amerika Syarikat, Korea, Hong Kong dan China.

Katanya, RM100 juta daripada tabung itu akan disalurkan kepada empat syarikat modal teroka tempatan dan RM400 juta pelaburan langsung dalam syarikat modal teroka.

Beliau juga berkata, sebuah lagi syarikat kerajaan iaitu Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk menguruskan Tabung Modal Teroka bagi Perolehan Teknologi berjumlah RM190 juta.

Daripada jumlah itu, RM114 juta akan dilaburkan dalam 'American Pacific Venture Capital Fund di Silicon Valley dan 'Venture Capital Joint Venture Investment' di Malaysia manakala baki RM76 juta untuk membangunkan projek pusat latihan dan reka-bentuk termaju mikro cip.